



Seperti Senarai Edaran


Tuan,

Tatacara Pengendalian Akaun Bank
Bagi Sekolah, Pejabat Pelajaran Gabungan (PPG),
Pejabat Pelajaran Daerah (PPD) dan Institusi Pendidikan Guru (IPG)

KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA
BAHAGIAN AKAUN
ARAS 7 & 8, BLOK E12
KOMPLEKS KERAJAAN PARCEL E
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN
62604 PUTRAJAYA

A - 1

Tel : 03-88846000
Faks: 03-88886240
Web: //www.moe.gov.my



Ruj Tuan
Ruj. Kami

Tarikh:

11 JUN 2008



TERIMA

11 JUN 2008

Perkara di atas adalah ditujuk. Surat ini bertujuan untuk memaklumkan mengenai tatacara pengendalian akaun bank bagi menyegerakan pengutusan berkaitan pembukaan, penurunan kuasa dan penutupan akaun bank serta memperbaiki, menyelesaikan dan menyentrasikan pelaksanaan pengendalian akaun bank di semua sekolah.

2. Akaun Bank Sekolah

2.1 Sistem perakaunan sekolah mewajarkan sekolah-sekolah membuka tiga jenis akaun di atas nama jawatan Pengetua/Guru Besar sekolah yang diurus di bawah Kumpulan Wang Sekolah (KWS). Tiga jenis akaun tersebut adalah akaun Kumpulan Wang Kerajaan (KWK), Kumpulan Wang SUWA (KW SUWA) dan Kumpulan Wang Asrama (KW Asrama). KWK mengakaun semua penerimaan/bantuan dan pembayaran daripada Kerajaan. KW SUWA pula mengakaun semua terimaan daripada orang awam manakala terimaan bagi tujuan asrama pula diakaunkan ke dalam KW Asrama. Pembukaan akaun bank selain daripada tiga akaun tersebut di atas adalah tidak dibenarkan.

2.2 Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM) telah menurunkan kuasa kepada pejabat perakaunan (JANM Negeri dan Cawangan) untuk meluluskan pembukaan, pengendalian dan penutupan akaun bank bagi ketiga-tiga akaun dalam Kumpulan Wang Sekolah.

2.3 Kuasa menandatangani cek hanya boleh diberikan kepada pegawai melalui kuasa tetap. Pegawai-pegawai berkenaan adalah:

- (i) Pengelua/Guru Besar (wajib)
- (ii) Penolong Kanan (Pentadbiran)/Guru Kanan
- (iii) Penolong Kanan (Hal Ehwal Murid)/Guru Kanan
- (iv) Penolong Kanan (Kokurikulum)/Guru Kanan

Peruntukan-Kuasa-Tetap ini hendaklah dipatuhi oleh semua sekolah, termasuk sekolah-sekolah Bantuan Kerajaan yang mempunyai Lembaga Pengelola.

STCSP	Peruntukan-Kuasa-Tetap
PPD #YTYKO/ULT/SC	
2008/2009	
WKT/2008	
LULUSAN	
T	

Untuk Meklumat

Untuk Timbalan Excellent Accounting @ Your Service

Sila Bersegera

Sila Fikirkan

3. Akaun Bank PPG, PPD dan IPG

3.1 JANM juga telah menurunkan kuasa kepada pejabat perakaunan (JANM Negeri dan Cawangan) untuk meluluskan pembukaan, pengendalian dan penutupan akaun bank bagi PPG, PPD dan IPG. Permohonan kuasa tetap daripada PPG, PPD dan IPG hendaklah diperakukan oleh Ketua Pusat Tanggunjawab (PTJ) dan dikemukakan kepada pejabat perakaunan (JANM Negeri dan Cawangan) masing-masing untuk kelulusan.

4. Bagi sekolah, PPD dan IPG di Lembah Kelang dan Putrajaya, permohonan kuasa tetap yang telah diperakukan oleh Ketua PTJ hendaklah dihantar kepada Bahagian Akaun, Kementerian Pelajaran Malaysia.

5. Bersama-sama ini disertakan Tatacara Pengendalian Akaun Bank bagi sekolah, PPG, PPD dan IPG. Kerjasama tuan dipohon untuk memanangkan perkara ini kepada sekolah, PPG, PPD dan IPG berkenaan.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,

(KAMARUDIN BIN HJ. ABD. GHANI)

Bahagian Akaun
b.p Kementerian Pelajaran Malaysia

s.k.

Pengarah
Bahagian Pengurusan Operasi Cawangan
Jabatan Akauntan Negara Malaysia

SUB
Bahagian Audit Sekolah -

A-3

Senarai Edaran

Pengarah
Bahagian Pendidikan Guru

Pengarah
Bahagian Pendidikan Teknik dan Vokasional

Pengarah
Bahagian Pendidikan Islam

Pengarah
Bahagian Pengurusan Sekolah Berasrama Penuh/Kluster

Pengarah
Bahagian Pendidikan Khas

Pengarah
Bahagian Sukan, Seni dan Ek. Kurikulum

Semua Pengarah
Jabatan Pelajaran Negeri

